

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- a) Tentang syarat-syarat dan kriteria-kriteria bagi pemberian peruntukan kepada pusat-pusat jagaan swasta untuk warga tua, anak yatim dan OKU-OKU; dan
- b) Senaraikan semua pusat jagaan swasta yang mendapat peruntukan dari Kementerian ini di negeri melaka dan jumlah bayaran setiap tahun.

JAWAPAN :

- a) Syarat-syarat Kelayakan Pusat Jagaan yang boleh dipertimbangkan Bantuan Kewangan Kerajaan

Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang mengendalikan pusat jagaan yang layak diberi pertimbangan Bantuan Kewangan Kerajaan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

- i. Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (kategori Kebajikan Masyarakat) atau di bawah Undang-Undang Tubuh lain (*Memorandum of Articles - Kebajikan Masyarakat*);
- ii. Pertubuhan bertaraf tempatan;
- iii. Pertubuhan yang bercorak kebajikan (*welfare-related*) yang mengendalikan program berbentuk pencegahan, pemulihan, penjagaan, perlindungan dan pembangunan bagi kumpulan sasar di bawah tanggungjawab dan fungsi Jabatan;
- iv. Berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 bagi yang mengendalikan program institusi berkediaman atau Pusat Jagaan Harian;

- v. Program dan aktiviti PSK adalah selaras dengan dasar dan objektif Jabatan; dan
- vi. Telah beroperasi selama tiga (3) tahun dan ke atas.

Pusat jagaan yang tidak layak diberi pertimbangan Bantuan Kewangan Kerajaan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

- i. Tidak berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan atau Undang-Undang Tubuh yang lain;
- ii. Bersifat keuntungan (seperti mengenakan bayaran secara tetap kepada perkhidmatan yang disediakan);
- iii. Program atau aktiviti bercanggah dengan perlembagaan PSK berkenaan atau Undang-undang Malaysia;
- iv. Pertubuhan Politik atau Orang Perseorangan;
- v. Pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan atau Undang-undang tubuh yang lain; dan
- vi. Menjalankan program di luar dari bidang tugas Jabatan.
- vii. Pusat Jagaan swasta yang tidak memenuhi kriteria sebagaimana yang disebutkan tidak akan dipertimbangkan geran.

- b) Sehingga tahun 2014 sebanyak 12 buah PSK di Melaka menerima geran JKM dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM822,471.00 seperti berikut:

Bil.	Nama PSK	Jenis dan Jumlah Geran Tahun 2014
1	Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak Yatim / Miskin Islam (PAYASUM) KM18 Paya Rumput Jaya Sungai Udang 75250 Melaka Tel : 06-3512364 Faks : 06-3510634	Rangsum RM204,400.00
2	Pertubuhan Kebajikan Anak- Anak Yatim Islam Daerah Jasin Bandar Baru Jasin Fasa 3, Jalan Rim 77000 Jasin, Melaka Tel : 06-5293091 Faks : 06-5293093	Rangsum 63,364.00
3	Pusat Jagaan Rumah Cahaya The Salvation Army No. 321, Jalan Parameswara 75000 Melaka Tel : 06-2831203 Faks : 06-2832101	Rangsum 12,264.00

Bil.	Nama PSK	Jenis dan Jumlah Geran Tahun 2014
4	Pertubuhan Kebajikan Bhagawan Sri Ramakrishna Malaysia No.451, Jalan Tengker 75200 Melaka Tel/Faks : 06-2843236	Rangsum 77,672.00
5	Montfort Youth Centre Kampung Baru Ayer Salak 75250 Melaka Tel : 06-3510114/5 Faks : 06-3510200	Rangsum 82,147.00
6	Rumah Orang Tua Nurul Ihsan Parit Penghulu Benteng 77400 Sungai Rambai, Melaka Tel : 06-2658188 Faks : 06-2658050	Rangsum 8,760.00
7	Pertubuhan Kebajikan Villa Harapan No. 1212-2, Jalan Tebing Tebing Tinggi 75460 Duyong, Melaka Tel/Faks : 06-2322529	Rangsum 200,000.00

8	Pusat Jagaan Hopehaven Centre For Special Children The Salvation Army No. 321, Jalan Parameswara 75000 Melaka Tel : 06-2831203 Faks : 06-2832101	Rangsum 20,904.00 Elaun Khas Murid OKU 68,400.00 <hr/> 89,304.00
9	Persatuan Kebajikan Kanak- Kanak Istimewa & Warga Emas Daerah Alor Gajah No. 1551, Taman Alor, Kelemak 78000 Alor Gajah, Melaka	Rangsum 52,560.00
10	Persatuan Kebajikan Insan Istimewa Melaka (Bengkel Latihan Joy) No.55, Jalan SP4, Taman Semabok Perdana, 75050 Melaka Tel / Faks : 06-2865572	Pentadbiran 5,000.00
11	Pertubuhan Orang cacat Penglihatan Malaysia Kawasan Melaka No.17, Jalan Durian Daun 75400 Melaka	Pentadbiran 7,000.00

12	Persatuan Pemulihan Orang Kurang Upaya Melaka No. 10, Jalan TU 61, Taman Tasik Utama, 75450 Melaka (Bengkel Terlindung)	Pentadbiran 20,000.00
	Jumlah keseluruhan	RM822,471.00